

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @
WONG NYUK FOH
[SANDAKAN]**

NO. SOALAN : 141

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan semua projek-projek yang telah diluluskan serta dilaksanakan oleh Kementerian dari tahun 2010 hingga 2016 dengan butiran yang terperinci mengikut pecahan jumlah pembelanjaan projek, syarikat kontraktor, tempat dan negeri khususnya negeri Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah diperuntukan sejumlah RM8.01 billion bermula dari tahun 2010 sehingga 2016 untuk melaksanakan projek-projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Jalan Luar Bandar (JALB) diseluruh negeri Sabah.

Khusus bagi projek BELB, sejumlah RM3.00 billion telah diluluskan bagi melaksanakan sebanyak 41 buah projek yang memberi manfaat kepada 27,032 buah rumah diseluruh Sabah.

Bagi projek BALB pula, sejumlah RM2.08 billion telah diluluskan bagi melaksanakan sebanyak 185 buah projek yang memberi manfaat kepada 113,749 buah rumah diseluruh Sabah.

122

Manakala, bagi projek JALB pula, sejumlah RM2.93 billion telah diluluskan bagi melaksanakan sebanyak 219 buah projek.

Selain daripada itu, sebanyak RM 277.52 juta turut dibelanjakan bagi pelaksanaan Program Jalan Perhubungan Desa (JPD) dan RM47.50 juta dibelanjakan bagi pelaksanaan Program Ameniti Sosial (PAMS).

RT08/142

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN BERTULIS : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]
DARIPADA****JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan dan kos komputer riba yang diberikan kepada guru-guru pada tahun 2017.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Setakat ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) belum pernah membuat sebarang perolehan komputer riba untuk diberikan kepada guru-guru pada tahun 2017.

RT08/142

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]
DARIPADA**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan status pembinaan SRK (T) Gunung Rapat di tapak yang baru.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kelulusan kerja tanah SJK(T) Gunung Rapat telah diperoleh daripada pihak Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) pada 28 September 2017. Pihak kontraktor telah mula memasuki tapak pembinaan mulai 29 September 2017 untuk melaksanakan kerja-kerja *site clearance* dan juga kerja tanah. Projek dijangka siap pada September 2018.